



Anwar pada sidang media selepas berakhir program Pemukiman Anggota Jemaah Menteri Kerajaan Perpaduan 2024 yang berlangsung di Cyberjaya, semalam. Turut hadir Ahmad Zahid dan Fadillah.

(Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

Pelbagai dasar, program terdahulu jadi ukuran kerajaan

Anggota pentadbiran usah selesa dengan pencapaian, diminta terus tingkat khidmat

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim dan Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pelaksanaan pelbagai bentuk program dan dasar diperkenal sebelum ini akan menjadi ukuran dan tumpuan kerajaan ke arah pelaksanaan program serta dasar secara lebih berkesan pada masa depan, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, anggota pentadbiran khususnya menteri serta penjawat awam tidak seharusnya merasa selesa dengan apa yang sudah capai, sebaliknya terus berusaha lebih keras untuk meningkatkan khidmat kepada rakyat.

Beliau berkata, aspek itu antara diberikan penekanan oleh Jemaah Menteri sepanjang dua hari berlangsungnya program

Pemukiman Anggota Kabinet Kerajaan Perpaduan 2024 di Cyberjaya, yang berakhir hari ini.

"Ini yang menjadi tema dalam perbincangan kita. Matlamat meningkatkan upaya kita untuk menyampaikan khidmat terbaik kepada rakyat, selain memacu pertumbuhan ekonomi negara dan memakai falsafah negara Madani dari sudut mengangkat keupayaan martabat negara menjadi lebih hebat.

"Perbincangan menyeluruh juga tentunya menyentuh soal perpaduan rakyat dan kestabilan politik yang menjadi prasyarat bagi kita melaksana program dirancang. Kita juga bicara soal ekonomi, untuk menambah pelaburan domestik dan luar negara.

"Memfokuskan isu khusus meningkatkan mutu pendidikan negara termasuk Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET), digital dan kecerdasan buatan (AI) dan isu yang kita cerakin dalam beberapa penguaman dasar transisi peralihan tenaga, transformasi digital, pelan perindustrian dan reformasi perkhidmatan awam," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas berakhir program Pemukiman Anggota Jemaah Menteri Kerajaan Perpaduan 2024 yang berlangsung di Cyberjaya.

Turut hadir pada sidang media itu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dan Datuk Seri Fadillah Yusof serta Menteri Komunikasi, Fahmi Fadzil.

Platform dapat input

Mengulas lanjut, Anwar berkata, pemukiman dua hari itu menjadi platform kepada kerajaan mendapatkan input dan pendedahan daripada pakar, penyelidik serta ilmunan bukan saja Malaysia, bahkan dari luar negara.

"Ini pemukiman kali kedua tapi format berbeza. Pertama kita tidak minta pandangan kerajaan disampaikan di sini, tetapi dapatkan input daripada sektor swasta, ilmunan dan penyelidik, majoriti orang Malaysia tapi satu dua pakar antarabangsa.

"Apa yang tertera adalah ramai penyelidik dan pakar di luar yang memberikan sumbangan sangat bermutu. Saya dan rakan-rakan berikan satu senario bahawa pemukiman ini mengambil sikap sangat terbuka dan sedia mendengar pandangan, teguran, kritikan dan cadangan baru.

"Bukan untuk mempertahankan program dan polisi yang ada tetapi sedia membuat penilaian. Kita menerima kenyataan ada ruang untuk memperbaiki," katanya.